

23/09/1997

Penumpang kecewa MAS hidang minuman keras

Min Harun

SAYA amat tertarik dengan laporan akhbar ini pada Sabtu, 21 Jun 1997. Di muka surat lima ada laporan bertajuk 'Umat Islam ditegah bekerja di kilang arak'.

Langkah itu bersesuaian dengan Seksyen 18 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 diwartakan tahun lalu yang menyatakan umat Islam yang didapati minum minuman memabukkan boleh didenda RM3,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Saya sebenarnya ingin mengulas isu arak yang masih berterusan.

Pada tahun ini genap 40 tahun negara merdeka.

Rakyat turut berbangga dengan beberapa anugerah yang diterima Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai menghargai usaha beliau memperkukuh hubungan persaudaraan Islam.

Negara kita sering menjadi perhatian dunia kerana kedudukan politik stabil, aman serta diterajui pemimpin berwawasan. Dengan adanya pelbagai projek raksasa, negara kita menjadi kebanggaan masyarakat Islam khususnya.

Ketika kita asyik melayan kemajuan, mungkin secara sedar atau sebaliknya imej Malaysia sebagai negara Islam dicemari.

Persoalan yang saya ingin timbulkan mungkin dianggap remeh. Tetapi ia menjatuhkan imej negara yang menjadikan Islam agama rasmi.

Saya seorang usahawan yang menjalankan perniagaan milik keluarga.

Sebagai usahawan untuk memajukan negara dan syarikat keluarga, saya sering keluar negara meninjau peluang perniagaan di peringkat antarabangsa.

Pilihan terkini perjalanan keluar negara ialah pengangkutan udara. Pilihan utama saya sebagai rakyat Malaysia ialah Penerbangan Malaysia (MAS).

Dengan peningkatan destinasi persinggahan di samping kekerapan penerbangan, MAS setanding syarikat penerbangan antarabangsa lain.

Lebih membanggakan lagi apabila pesawat B777-200 di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah pada 2 April lalu.

Saya sebagai 'Esteemed Traveller' MAS, berbangga dengan pesawat itu yang dilengkapi dengan surau, 'Business Centre' bersama 'Skyphone' serta pelbagai kemudahan terkini.

Jika kita mengambil penerbangan domestik, situasi yang saya akan ketengahkan ini mungkin tidak ketara.

Saya pernah beberapa kali menaiki kelas 'Y' untuk perjalanan ke London, ketika menuntut di sana.

Perjalanan dari Kuala Lumpur ke London yang mengambil masa lebih kurang 12-14 jam tanpa henti.

Penumpang diberi paket kacang, minuman jus buah-buahan atau bir.

Cara penghidangan bir juga agak berlainan kerana dihidangkan menggunakan dulang perak, sedangkan jus dihidangkan menggunakan dulang plastik saja.

Mungkinkah bagi MAS minuman keras lebih istimewa? Adakalanya amat mendukacitakan apabila jus dan minuman keras dihidangkan sekali gus apabila flight attendant menggunakan troli.

Cuba bayangkan sebagai umat Islam kita melihat sendiri seseorang menyediakan minuman keras dan kemudian menyediakan minuman itu untuk kita?

Tiba masanya untuk menjamu selera, seperti biasa kebanyakan pramugari akan bertanya, "Excuse me sir! You want to have chicken or beef?" Di atas troli itu terpamer botol white wine dan red wine serta jus.

Bagaimana hendak menjamah makanan jika pramugari yang menghidangkan

makanan itu juga terbabit menyediakan minuman keras.

Saya sering diajukan pelbagai soalan oleh masyarakat luar yang saya kenali dalam penerbangan berkaitan masalah begini.

Pernah dalam perjalanan pulang dari Seoul ke tanah air, penumpang di sebelah saya, seorang lelaki dari Timur Tengah (beragama Islam) bertanya adakah makanan yang dihidangkan itu halal.

Sayapun menjawab, Ya! Lagipun pada menu ada tertulis semua makanan 'ditanggung halal'. Kredibiliti MAS usah diragu.

Dia agak hairan kerana makanan halal tetapi minuman halal dan haram diletak bersebelahan?

Jawapannya sungguh mudah, 'itulah prosedurnya!' MAS seolah-olah tidak peka dengan sensitiviti umat Islam.

Saya harap mendapat sokongan untuk mengubah sistem Barat yang amat memalukan bangsa dan agama di mata dunia.